

## Background

The Department of Industrial Development and Research (DIDR) was formed in 1977 by a State Cabinet directive and placed under the jurisdiction of the Ministry of Industrial Development (MID). DIDR is entrusted with the responsibility of promoting and coordinating industrial development in Sabah.

## Functions

1. Promote foreign and domestic investment in Sabah, especially in the manufacturing sector;
2. Undertake research/studies on the economy of Sabah, mainly on the manufacturing sector;
3. Process manufacturing license and approval to set up manufacturing projects in Sabah;
4. Assist in solving problems faced in the implementation of investment projects; and
5. Carry out activities to enhance the capability of small and medium enterprises (SMEs).

## Organization Structure

DIDR comprises of 5 Divisions:

1. SME/SDSI Development and Regional Cooperation Division
2. Industry Services Division
3. Investment Promotion Division
4. Planning and Research Division
5. Administrative and Finance Division

## Client's Charter

We are committed to providing customers with friendly and efficient services as follows:-

1. To process completed applications for State Government Approvals (SGA) and Federal Manufacturing License (FML) within four (4) weeks (20 working days);
2. To provide information related to approved manufacturing projects within three (3) working days;
3. To organize two (2) investment seminars annually;
4. To promote Sabah-made products through five (5) exhibitions annually;
5. To provide the Sabah Business Situation Index twice annually;
6. To organize four (4) food technology courses for entrepreneurs annually; and
7. To process bills for payment within five (5) working days for submission to the State Treasury Department.

## Quality Policy

DIDR is continuously committed to delivering quality industrial-development-related services based on MS ISO 9001:2008 to fulfill her customers' needs. DIDR shall implement quality improvement measures in order to increase the effectiveness of the department's Quality Management System.

## Quality Objective

1. **Undertaking SME Courses**
  - a) To ensure at least 90% participation in each course.
  - b) To target at least 85% or more participant's satisfaction in each course attended.
2. **Organising Showcase *Satu Daerah Satu Industri (SDSI)* at State & National level**
  - a) To ensure at least 90% participation in Showcase SDSI at State and National level.
  - b) To target at least 85% participant's satisfaction at satisfied level and above in Showcase SDSI at State and National level.
3. **Provision of Industry Services**
  - a) To process completed State Government Approval and Federal Manufacturing License applications within 4 weeks (20 working days).
  - b) To undertake Hands-holding Services to at least 70% of identified companies a year.
4. **Organizing of Investment Seminar/Investment Mission overseas**
  - a) Monitor follow-up action of participating agencies on potential inquiries/investment within 1 month of event.
5. **Undertake SME Exhibitions**
  - a) To ensure at least 90% participation in each exhibition.
  - b) To target at least 85% participant's satisfaction at satisfied level and above in each SME exhibition.
  - c) To ensure at least 70% of targeted potential sales of each exhibition.
6. **Undertake Industrial Studies**
  - a) To target 10% increase of respondent on each Sabah Business Situation Index Study annually.
  - b) To target 85% response rate of sample for each Sabah Business Situation Index Study.
7. **Implement Training Program for DIDR staff**
  - a) To ensure every department staff to attend at least 7 days course annually.



## DEPARTMENT OF INDUSTRIAL DEVELOPMENT & RESEARCH SABAH, MALAYSIA

### Vision

To be the lead agency in promoting development of the industrial sector in Sabah.

### Mission

Promoting development of the state's industrial sector through development of small and medium industries, investment promotion, research and industry services.

### Objective

Assisting to develop Sabah through development of the industrial sector.

### Contact Information

Department of Industrial Development & Research  
7th & 8th Floor, Block C, Wisma Tun Fuad Stephens  
88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 6-088-214866/212700/215035  
Fax: 6-088-257814/216698 /213490  
Website/URL: <http://www.didr.sabah.gov.my>

### E-mail

Director: [Patrick.Tan@sabah.gov.my](mailto:Patrick.Tan@sabah.gov.my)  
SME/SDSI Development and Regional Cooperation Division:  
[Stephen.Sampil@sabah.gov.my](mailto:Stephen.Sampil@sabah.gov.my)  
Industry Services Division: [Tommie.Philip@sabah.gov.my](mailto:Tommie.Philip@sabah.gov.my)  
Investment Promotion Division: [KeiYue.Tseu@sabah.gov.my](mailto:KeiYue.Tseu@sabah.gov.my)  
Planning and Research Division: [Edmund.Wong@sabah.gov.my](mailto:Edmund.Wong@sabah.gov.my)  
Administration & Finance Division: [Salmiah.Salleh@sabah.gov.my](mailto:Salmiah.Salleh@sabah.gov.my)

## Latarbelakang

Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (JPPP) ditubuhkan pada tahun 1977 melalui Arahan Kabinet Negeri dan diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Perindustrian (KPP). JPPP bertanggungjawab untuk mempromosi dan menyelaras pembangunan perindustrian di Sabah.

## Fungsi

1. Mempromosikan pelaburan asing dan domestik di Negeri Sabah, terutama dalam sektor perkilangan;
2. Menjalankan penyelidikan/kajian ke atas ekonomi Negeri Sabah, khususnya terhadap sektor perkilangan;
3. Memproses permohonan lesen dan kelulusan untuk mendirikan projek perkilangan di Sabah;
4. Membantu menyelesaikan masalah pelaksanaan projek-projek pelaburan; dan
5. Menjalankan aktiviti bagi meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

## Struktur Organisasi

JPPP mengandungi 5 Bahagian:

1. Bahagian Pembangunan IKS/SDSI dan Kerjasama Serantau
2. Bahagian Khidmat Industri
3. Bahagian Promosi Pelaburan
4. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
5. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

## Piagam Pelanggan

Kami komited untuk menyediakan perkhidmatan yang mesra dan cekap kepada pelanggan seperti berikut:-

1. Memproses permohonan-permohonan Kelulusan Kerajaan Negeri (SGA) dan Lesen Pengilang Persekutuan (FML) yang lengkap dalam tempoh empat (4) minggu (20 hari bekerja);
2. Membekal maklumat berkaitan projek-projek perkilangan yang telah diluluskan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja;
3. Menganjur seminar pelaburan dua (2) kali setahun;
4. Mempromosi barangan buatan Sabah melalui pameran lima (5) kali setahun;
5. Menyediakan Indeks Situasi Bisnes Sabah sebanyak dua (2) kali setahun;
6. Menganjur empat (4) kursus teknologi pemrosesan makanan untuk usahawan setahun; dan
7. Memproses bil yang diterima dengan lengkap dalam tempoh lima (5) hari bekerja untuk dikemukakan ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

## Dasar Kualiti

JPPP sentiasa komited dalam penyampaian perkhidmatan pembangunan perindustrian yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan berasaskan MS ISO 9001:2008 secara berterusan. JPPP akan melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti.

## Objektif Kualiti

1. **Perkhidmatan Kursus IKS**
  - a. Memastikan sekurang-kurangnya 90% penyertaan peserta kursus; dan
  - b. Mensasarkan sekurang-kurangnya 85% peserta mencapai tahap kepuasan memuaskan dan ke atas bagi penilaian setiap kursus IKS.
2. **Penganjuran Showcase SDSI Peringkat Negeri & Kebangsaan**
  - a. Memastikan sekurang-kurangnya 90% penyertaan peserta Showcase SDSI; dan
  - b. Mensasarkan sekurang-kurangnya 85% peserta Showcase SDSI mencapai tahap kepuasan memuaskan dan ke atas bagi penilaian penganjuran SDSI Peringkat Negeri.
3. **Perkhidmatan Khidmat Industri**
  - a. Memproses permohonan Kelulusan Kerajaan Negeri (SGA) dan Lesen Pengilang Persekutuan (FML) yang lengkap dalam tempoh 4 minggu (20 hari bekerja); dan
  - b. Melaksanakan khidmat *hands-holding* kepada sekurang-kurangnya 70% syarikat yang dikenalpasti setiap tahun.
4. **Penganjuran Seminar Pelaburan/Promosi Pelaburan ke Luar Negeri**
  - a. Memantau tindakan susulan yang diambil oleh agensi yang menyertai misi pelaburan ke atas *potential inquiries/investment* dalam tempoh masa 1 bulan selepas misi berakhir.
5. **Pengendalian Pameran IKS**
  - a. Memastikan sekurang-kurangnya 90% penyertaan dalam setiap pameran IKS yang diselaras/dikendalikan;
  - b. Memastikan sekurang-kurangnya 85% peserta pameran IKS mencapai tahap kepuasan memuaskan dan ke atas bagi penilaian tahap kepuasan penyertaan pameran IKS; dan
  - c. Memastikan jualan potensi peserta pameran IKS mencapai 70% daripada jumlah jualan potensi yang disasarkan.
6. **Pelaksanaan Kajian Industri**
  - a. Mensasarkan peluasan/pertambahan responden kajian Indeks Situasi Bisnes Sabah sebanyak 10% setiap tahun.
  - b. Mensasarkan peningkatan kadar respon sampel kajian kepada Indeks Situasi Bisnes Sabah (SBSI) kepada 85% setiap siri kajian.
7. **Pelaksanaan Latihan kepada pegawai dan kakitangan JPPP**
  - a. Memastikan setiap pegawai dan kakitangan JPPP menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam setahun.



## JABATAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN & PENYELIDIKAN SABAH, MALAYSIA

### Visi

Menjadi agensi peneraju dalam menggalakkan pembangunan sektor perindustrian di Negeri Sabah.

### Misi

Menggalakkan pembangunan sektor perindustrian menerusi pembangunan industri kecil dan sederhana, promosi pelaburan, kajian dan khidmat industri.

### Objektif

Membantu memajukan Negeri Sabah menerusi pembangunan sektor perindustrian.

### Maklumat Perhubungan

Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan  
Tingkat 7 & 8, Blok C, Wisma Tun Fuad Stephens  
88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 6-088-214866/212700/215035  
Faks: 6-088-257814/216698 /213490  
Laman Web/URL: <http://www.didr.sabah.gov.my>

### E-mel

Pengarah: [Patrick.Tan@sabah.gov.my](mailto:Patrick.Tan@sabah.gov.my)

Bahagian SDSI/IKS dan Kerjasama Serantau:

[Stephen.Sampil@sabah.gov.my](mailto:Stephen.Sampil@sabah.gov.my)

Bahagian Khidmat Industri: [Tommie.Philip@sabah.gov.my](mailto:Tommie.Philip@sabah.gov.my)

Bahagian Promosi Pelaburan: [KeiYue.Tseu@sabah.gov.my](mailto:KeiYue.Tseu@sabah.gov.my)

Bahagian Perancangan & Penyelidikan: [Edmund.Wong@sabah.gov.my](mailto:Edmund.Wong@sabah.gov.my)

Bahagian Pentadbiran & Kewangan: [Salmiah.Salleh@sabah.gov.my](mailto:Salmiah.Salleh@sabah.gov.my)